

JITRA, 27 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PAS AKAN MEMBAWA TENAGA LUAR DARI KEDAH TERMASUK BEBERAPA ORANG SAMSENG UNTUK MEMBANTU DATUK ASRI MENANG DALAM PILIHANRAYA DI KAWASAN PARLIMEN PADANG TERAP.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI MAJLIS CERAMAH DI DEWAN ORANGRAMAI PULAU TIMBUL DEKAT SINI HARI INI.

KATANYA PIHAK PAS AKAN MELAKUKAN APA SAHAJA WALAUPUN LUAR DARI KEUPAYAAN MEREKA UNTUK MENDAPATKAN KEMENANGAN BAGI KETUANYA.

TAMBAH BELIAU JIKA ADA ORANG-ORANG SAMSENG ITU DI KAWASAN PADANG TERAP MUNGKIN KEGANASAN AKAN BERLAKU NANTI.

BELIAU BERKATA PARA PENGUNDI DI KAWASAN PADANG TERAP HENDAKLAH BERHATI-HATI SERTA MEMIKIR SEDALAM-DALAMNYA SEBELUM MEMBUAT KEPUTSAN MUKTAMAD PADA 8 JULAI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERUCAP MENYOKONG CALUN BARISAN NASIONAL, ENCIK HANAFI RAMLI YANG BERTANDING BAGI KERUSI DEWAN NEGERI TUNJANG BERKATA PAS JUGA TELAH DIDAPATI MENYALAHGUNAKAN KEMUDAHAN MASJID DAN SURAU UNTUK KEPENTINGAN KEMPEN PILIHANRAYA MEREKA.—BERSAMBUNG 1940/MM

MAHATHIR-TENAGA 2 JITRA

MENURUT BELIAU SEPATUTNYA SURAU DAN MASJID DIGUNAKAN UNTUK SYARAHAN AGAMA TETAPI PAS TELAH MENGGUNAKAN DI SETENGAH MASJID DAN SURAU UNTUK KEMPEN PILIHANRAYA DAN PERBINCANGAN POLITIK.

KATANYA ORANGRAMAI JANGANLAH MUDAH TERTIPU DENGAN TIPU NELAH DAN JANJI KOSONG DARIPADA PARA PEMIMPIN PAS YANG MENJELAJAH DARI SEBUAH KAMPUNG KE SEBUAH KAMPUNG.

MENURUT BELIAU MEREKA ITU BRERTOPENGGKAN AGAMA DAN MEMPERALATKAN POTONGAN AYAT QURAN UNTUK KEPENTINGAN NAFSU POLITIK MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENCABAR DATUK ASRI SUPAYA MEMBUKTIKAN KENYATAANNYA YANG MENUDUH SEBAHAGIAN DARI KANDUNGAN BUKU +MALAY DILEMMA+ ITU BERTENTANGAN DENGAN AGAMA ISLAM DAN MENJATUH MARUAH ORANG MELAYU.

BELIAU BERKATA ORANGRAMAI JANGANLAH TERKELIRU DAN TERPERANGKAP DENGAN PROPAGANDA PAS TENTANG BUKU ITU.

BELIAU MENSIFATKAN KEDUDUKAN POLITIK DATUK ASRI SEKARANG ADALAH SEBAGAI SEORANG NAHKODA YANG KEHILANGAN KAPALNYA.

BELIAU SEKARANG MENGANGGAPKAN PILIHANRAYA SAMA SAPERTI EMUDUGA UNTUK MENDAPATKAN KERJA.

+ITULAH SEBABNYA BELIAU LARI DARI KELANTAN UNTUK BERTANDING DI KEDAH DI SAMPING Mencari REZEKI DI NEGERI INI,+ TAMBAH BELIAU.—BERSAMBUNG 1940/MM

EE

B674

MAHATHIR-TENAGA 3 JITRA

KATANYA CITA-CITA DAN KEAZAMAN PARA PEMIMPIN PAS UNTUK MENUBUH KERAJAAN NEGERI KEDAH ADALAH MERUPAKAN SATU IMPIAN KOSONG SAHAJA.

BELIAU BERKATA SEBALIKNYA MEREKA HARUS SEDAR TENTANG RAKYAT NEGERI INI AKAN MENOLAK PIMPINAN PAS NEGERI INI.

KEMUDIAN TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MENGADAKAN SATU MAJLIS CERAMAH DI PAYA KEMUNTING, JITRA DENGAN MASYARAKAT INDIA.

DI SUNGAI PETANI BELIAU JUGA MENEMUI PARA PEKERJA BARISAN NASIONAL DAN MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA MEMPERHEBATKAN LAGI JENTERA PILIHANRAYA.

BELIAU JUGA MENDENGAR TAKLIMAT DAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PEKERJA ITU.—BERNAMA 1950/MM